

Kemahiran Hidup: PM puas hati

014 12 JAN 1994

Oleh Ahmad Burak, Kamal Ahmad dan Tamrin Anuar

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan perjalanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang dilaksanakan di sekolah sekarang.

Menurut Perdana Menteri, pelaksanaan mata pelajaran KHB yang dijalankan di sekolah sekarang memenuhi matlamatnya.

"Sejak sekian lama mata pelajaran itu (KHB) diperkenalkan di sekolah-sekolah, saya buat lawatan ini untuk melihat kemajuan yang telah dicapai.

"Umumnya, saya dapati apa yang diajar memanglah menjadi suatu bidang yang kerajaan ingin perkenalkan dan ia diterima baik," katanya selepas melawat Sekolah Menengah Datuk Lokman, Kampung Pandan, Kuala Lumpur di sini, semalam.

Kini, katanya, pelajar sama ada lelaki atau perempuan lebih faham mengenai kerja tangan, mekanik dan elektronik dan pelaksanaannya di sekolah.

Ditanya mengenai kesesuaian pendekatan yang di-

laksanakan, beliau berkata: "Pendekatan yang dilakukan setakat ini sesuai. Tadi saya cadang umpamanya berkenaan dengan bagaimana mengenakan enjin. Mungkin ini dapat diajar melalui enjin-enjin buruk yang dijual di kedai-kedai besi dan kita potong untuk melihat keadaan di dalamnya."

Dr Mahathir berkata, barangan seperti itu harganya murah dan mungkin setiap sekolah boleh menyediakan satu bilik khusus untuk mempamerkannya (termasuk barangan mekanikal dan elektronik) secara yang boleh difaham.

Beliau berpuas hati dengan pelaksanaan pengajaran KHB, termasuk pembabitian pelajar lelaki dalam Ekonomi Rumah Tangga.

Mengenai pencapaian lebih 90 peratus keputusan mata pelajaran KHB peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) di sekolah itu, beliau berkata ini adalah petanda baik kepada negara yang kini beralih menjadi negara industri.

"Kalau dulu kita tumpukan semua kepada perniagaan kecil, runcit dan pertanian, sekarang hampir semua daripada kita akan bekerja di kilang-kilang buatan dan kita perlu tahu sedikit sebanyak walaupun kita menjadi pengurus atau akauntan.

"Kita tidak boleh bekerja dengan berkesan jika kita tidak mempunyai kefahaman tentang barang-barang yang akan dikeluarkan, iaitu barang-barang jenis elektronik, mekanikal yang akan menjadi bahan utama untuk eksport kita," katanya.

Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud hadir sama di majlis itu. Turut hadir ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Mohd Noordin Hassan dan Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin.

Ditanya kemungkinan waktu mata pelajaran KHB ditambah selaras dengan keperluan semasa, Dr Mahathir berkata beliau akan berunding dengan Dr Sulaiman mengenai perkara itu.